

# Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS bekal anak ikan berkualiti, tawar nasihat pakar

DE 30.1.2015 7  
Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membantu menyalurkan anak ikan yang berkualiti dan menawarkan nasihat pakar dalam akuakultur untuk membangunkan stok perikanan Negeri ini.

Pengarahnya Profesor Madya Dr Rossita Shapawi berkata demikian semasa satu kempen kesedaran sungai anjuran projek komuniti institut itu berkenaan peningkatan stok udang galah air tawar di sungai Petagas.

“Kami akan menawarkan sokongan moral dan fizikal kepada jawatankuasa projek komuniti itu untuk memastikan kejayaan dalam semua aktiviti mereka,” katanya sambil menambah bahawa projek komuniti di sungai Petagas telah bermula pada 2012 dan dilancarkan oleh canselor universiti itu pada ketika itu Profesor Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon.

Projek itu, jelas beliau akan memberi manfaat kepada penduduk di daerah Putatan terutamanya dari segi kebersihan sungai itu.

Beliau berkata mereka telah melepaskan anak udang air tawar berjumlah sehingga 23,000 setahun di sungai itu.

“Kami juga menganjurkan satu siri kempen kesedaran melibatkan orang ramai, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, pelajar sekolah serta murid-murid,” katanya.

Penolong Pegawai Daerah Putatan, Hassan Mahali yang mewakili Pegawai Daerah Putatan Awang Abdul Pg Yusoff turut menggesa mereka yang tinggal dekat sungai untuk komited menjaga kebersihan sungai

itu.

“Kita telah mengadakan banyak kempen kesedaran dan aktiviti gotong royong tetapi semua ini tidak bermakna jika orang ramai terus membuang sampah mereka ke dalam sungai.

“Saya berharap masyarakat akan mendapat manfaat daripada program ini. Adalah harapan pemimpin-pemimpin untuk melihat sungai kita bersih disebabkan lokasi daerah kita dekat dengan bandar raya,” katanya, mengumumkan lawatan akan datang Ketua Menteri ke daerah itu pada Februari.

Terdapat seramai 100 pelajar dari SK Petagas dan SK Contoh yang mengambil bahagian dalam kempen kesedaran sungai itu.

Semasa program kesedaran itu, pensyarah UMS Dr Annita Yong Seok Kian dan Dr John Madin turut menyampaikan dua ceramah pendek berkenaan udang air tawar dan pencemaran sungai.

Selain itu, terdapat juga beberapa aktiviti dijalankan dalam kalangan pelajar seperti pertandingan mewarna dan melukis, pertandingan buku sekerap, kuiz interaktif dan permainan.